

**PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI
KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI**

SITI HAYATI BINTI HAJI MOHD YUSOFF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009

PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan laporan ini adalah kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Penulisan laporan ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Seni.

16.10.2009



SITI HAYATI BINTI HAJI MOHDYUSOFF
M20072000730

DECLARATION

I hereby declare that the work in this report is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge. The writing of this report, is produced to fulfill part of the requirements to obtain Masters in Visual Art Education.

16.10.2009

SITI HAYATI BINTI RAJIMOH YUSOFF
M20072000730

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga Baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, segala rintangan dan halangan dapat diatasi, berkat kesabaran serta harapan, akhirnya laporan projek ini dapat diselesaikan.

Terlebih dahulu ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof.Madya Tuan Haji Iberahim bin Hassan, penyelia utama di atas bimbingan dan bantuan sehingga selesai penulisan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Seni dan Muzik yang sudi memberikan tunjuk ajar. Jasa mereka semua dikenang.

Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati

Istimewa buat;

Bonda tercinta, Hajjah Sharifah Mahiran bt Syed Mahmud, terima kasih di atas sokongan moral yang diberikan.

Suami tersayang, Ismahisham bin Ismail, jutaan terima kasih atas sokongan padu sehingga ke peringkat ini,

Kedua-dua permata hati, Siti Aqilah Munirah dan Siti Aisyah Nabilah, terima kasih juga di atas pengertian anakanda berdua sehingga perjuangan Mama selesai.

Terima kasih.

Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff

UPSI 2007/2009

PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI

ABSTRAK

Apabila membicarakan tentang pembelajaran pelajar Orang Asli yang terdiri dari berbilang suku kaum di sekolah, kita tidak dapat lari daripada isu pembangunan dan budaya pemikiran komuniti. Berdasar kepada latar belakang masyarakat Orang Asli yang unik ini, saya merasa terpenggil untuk membuat satu kajian tentang pengaruh sosial dengan memberi fokus kepada faktor yang mempengaruhi kepercayaan dalam pembentukan sikap pelajar Orang Asli di sekolah dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Berdasar pemerhatian saya selama hampir 9 tahun saya dapati dalam kehidupan masyarakat Orang Asli itu sendiri mempunyai nilai kesenian yang tinggi. Mereka suka kepada hiburan, kraftangan, keindahan alam sekitar, dan perkara-perkara yang "santai" tanpa perlu meningkatkan minda.

Pelajar Orang Asli suka kepada kerja-kerja yang berkaitan dengan penggunaan fizikal tetapi kurang menyerlah dalam pengaplikasian minda. Ini ada kaitannya dengan pengaruh sosial dalam kehidupan mereka. Justeru sebelum membuat kajian, beberapa perkara yang perlu dikenalpasti adalah seperti; memahami latar belakang masyarakat Orang Asli mengenai sosio budaya dan adat resam serta sikap dan watak masyarakat Orang Asli yang berbeza corak kehidupannya dengan kaum lain, kemudian akan dikupas tentang isu kepercayaan dalam komuniti mereka.

Penghasilan kerja-kerja seni yang dilakukan oleh nenek serta ibubapa mendorong kepada kebolehan pelajar Orang Asli yang melihat keadaan seperti itu di sekeliling mereka. Mereka mendapat pengetahuan sedia ada berdasar pengalaman yang dilihat dan dilalui bersama keluarga terdekat justeru hasil catan pelajar Orang Asli Tingkatan 6 dipengaruhi oleh kepercayaan sesuatu kaum yang diwarisi secara turun temurun.

LEARNING PROCESS OF VISUAL ART AMONG ORANG ASLI STUDENTS

ABSTRACT

When we discuss about influence in the learning process among Orang Asli students, who comes from different ethnic among themselves, in schools, we cannot ignore about the issue of development and their way of thinking based on this unique background among Orang Asli community, I felt a calling to do a research about social influence which focuses on factors that influences the process of acquiring attitude among Orang Asli students, when learning Visual Art as a subject. Based on my observation in these 9 years, I found that in the livelihood of the Orang Asli community, Art has a high value in their community. They like entertainment, crafts, nature and 'laid back' situations which doesn't require mind improvement.

Orang Asli students like doing physical works but not works which require mind application. This is due to social influence in their life. Therefore, before doing this research, a few aspects have to be identified like understanding the background of Orang Asli social-culture and practice, as well attitude and characters of the Orang Asli community which is different from other races. All these aspects will then be looked into to understand the issues of belief in their community.

Some art works produced by their ancestors and parents, encourages the capability among Orang Asli students to observe their surrounding. They do have knowledge based on what they see and experience with their family, thus the painting produced by Upper 6 Orang Asli students is influenced by their "belief among the community, which has be passed on from generations to generations.

ISI KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Senarai Gambar	x
Senarai Jadual	xi
Kata Singkatan	xii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1-6
Latar belakang Kajian	7-9
Persoalan Kajian	10
Tujuan Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Kerangka Konsep	12-11
 BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
Pengenalan	14-16
Pembentukan Sikap dan Peribadi	17-19
Budaya Hidup dan kepercayaan	20-21
Pengaruh Kepercayaan Dalam Pembelajaran Pelajar Orang Asli	22-23
Sikap dan Tingkah laku	24-26
Konflik Nilai	27-30
Kepercayaan dan Kebudayaan	31-34
Kesan Pengaruh Kepercayaan Terhadap Catan Pelajar Tingkatan 6 Orang Asli	35-38
 BAB 3 METODOLOGI	
Pengenalan	39-40
Rekabentuk Kajian	41
Populasi/Persampelan	41
Lokasi Kajian	42
Instrumen Kajian	43
Temubual	43

Pemerhatian	44
Soal selidik	45
Pengumpulan Dokumen	45
Batas Kajian	46
Fokus Kajian	46
Prosedur Pengumpulan Data	47
Aturcara Sebelum Penyelidikan	47
Aturcara Semasa Penyelidikan	47
Aturcara Selepas Penyelidikan	48
Prosedur Penganalisan Data	48

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

Pengenalan	49-50
Dapatan Kajian	51
Analisis Berkaitan Faktor Kepercayaan Mempengaruhi Sikap Pelajar Orang Asli Dalam Pembelajaran Pendidikan Seni Visual	51-52
Kaitan Tempat Tinggal Keluarga Dengan kepercayaan/Sikap Pelajar Pelajar Orang Asli	53-56
Analisis Bagaimana Faktor Kepercayaan Pelajar Orang Asli Mempengaruhi Pencapaian Pembelajaran Matapelajaran Seni Visual	57-63
Kepercayaan Terhadap Status Ekonomi Mempengaruhi Pencapaian Pembelajaran Matapelajaran Seni Visual	64-65
Analisis Berkaitan Faktor Kepercayaan Mempengaruhi Catatan Pelajar Tingkatan 6 Orang Asli	66
Laporan Berdasar Temubual dan Pemerhatian	66
Pengenalan	66-67
Panduan Soalan-soalan Temubual	67
Transkrip Temubual	67
Rumusan	67-68
Temubual Pengkaji dengan Responden Berkaitan Hasil Catatan Mereka	69-73
Analisis Melalui Hasil Kerja Seni (catatan)	74-89
Rumusan	90

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pengenalan	91-94
Cadangan	95-96

Sikap Pelajar Orang Asli Perlu Melalui Perubahan
Meningkat dan Mengembang Potensi Pelajar Orang Asli
Kekurangan dan Kebaikan Nilai Kepercayaan Dalam Proses
Pembelajaran

Kajian Lanjutan Masyarakat Orang Asli

Bibliografi

Lampiran



SENARAI GAMBAR

GAMBAR	MUKASURAT
Rajah 1	4
Rajah 2	13
Rajah 3	44
Rajah 4	58
Rajah 5	61
Rajah 6	62
Rajah 7	74
Gambar 1	77
Gambar 2	80
Gambar 3	82
Gambar 4	84
Gambar 5	86
Gambar 6	87
Gambar 7	88
Rajah 8	94
Gambar 1-13	Lampiran

SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKASURAT

Jadual 1	51
Jadual 2	53
Jadual 3	55
Jadual 4	60
Jadual 5	64

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan:

Di Malaysia, ciri-ciri kelas sosial dalam masyarakat semakin berkembang. Masyarakat menilai kedudukan dan status individu melalui pencapaian pendidikan, kemahiran, pendapatan, harta, keturunan, politik, kuasa, anugerah dan darjat kebesaran dan lain-lain yang berkaitan. Persepsi atau pandangan individu terhadap kelas sosial begitu ketara. Konsep kelas sosial ini tidak lepas daripada kejadian "ketidaksamaan sosial" yang merujuk kepada ketidaksamaan peluang-peluang atau ganjaran untuk manusia dalam kedudukan sosial yang berbeza akibat sistem stratifikasi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai definisi mengenai kelas sosial telah dibuat oleh para sarjana (barat mahupun tempatan), ahli falsafah, tokoh-tokoh, pakar, orang biasa dan seumpamanya menunjukkan perbezaan definisi yang ketara. Ini disebabkan perbezaan tanggapan dan pemahaman serta ilmu pengetahuan yang diperolehi.

Kelas sosial juga dikenali sebagai stratifikasi masyarakat. Menurut Kamus Dewan, stratifikasi adalah pembahagian masyarakat kepada beberapa lapisan kedudukan, taraf

atau pembahagian kepada sesuatu pembentukan strata. Ia juga dikenali sebagai susun lapis dan merupakan susunan masyarakat pada satu hierarki kedudukan yang tidak sama rata berhubung dengan kuasa, harta, penilaian sosial dan kepuasan psikologi.

Rohand Meighan (1986) menjelaskan walau apa cara definisi kelas sosial, ia tetap menggambarkan perbezaan cara hidup atau pendapatan di dalam sesuatu bangsa yang sama.

Menurut Giddens (1979), hasil gabungan Idea Karl Marx dan Max Webber mengenai kelas sosial telah mewujudkan beberapa pembahagian kelas sosial seperti;

- a) Kelas atasan: Kelas atasan memiliki sumber-sumber pengeluaran dan memegang peranan ekonomi sebagai pelabur.
- b) Kelas Pertengahan: Kelas pertengahan memiliki kelayakan pendidikan atau latihan teknikal dan memegang peranan ekonomi sebagai pekerja kolar putih (pengurusan dan pentadbiran).
- c) Kelas Bawahan: Kelas bawahan memiliki tenaga fizikal dan menjadi buruh atau pekerja manual dalam sistem pengeluaran barangan

Masyarakat Orang Asli secara amnya terletak dalam pembahagian kelas sosial di aras kelas bawahan telah memberi kesan kepada pembelajaran anak-anak mereka. Kemunduran tahap pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh kelas sosial yang diwakili oleh kaum mereka sendiri. Pengaruh kelas sosial ini meliputi bidang ekonomi, kesihatan, tempat tinggal, cara memberi pendidikan, pengaruh luar (masyarakat) dan rakan sebaya (kawan-kawan).

Apabila membicarakan tentang pengaruh dalam pembelajaran pelajar Orang Asli yang terdiri dari berbilang suku kaum di sekolah, kita tidak dapat lari daripada isu pembangunan dan budaya pemikiran komuniti Orang Asli yang masih dibelenggu struktur persekitaran dan sosial masyarakat Orang Asli. Daripada sudut pandangan pentadbir kurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tapah mendapati kemunduran pelajar Orang Asli berpunca daripada sikap komuniti Orang Asli itu sendiri, justeru beberapa pendekatan telah dirancang, dan dilaksanakan namun terus gagal menemui jalan penyelesaian.

Berdasar kepada latar belakang masyarakat Orang Asli yang unik ini, saya merasa terpenggil untuk membuat satu kajian tentang pengaruh sosia! dengan memberi fokus kepada aspek kepercayaan dalam menghasilkan catan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Berdasar pemerhatian saya selama hampir 9 tahun saya dapati dalam kehidupan masyarakat Orang Asli itu sendiri mempunyai nilai kesenian yang tinggi. Mereka suka kepada hiburan, kraftangan, keindahan alam sekitar, dan perkara-perkara yang "santai" tanpa perlu meningkatkan minda. Pelajar Orang Asli suka kepada kerja-kerja yang berkaitan dengan penggunaan fizikal tetapi kurang menyerlah dalam pengaplikasian minda. Ini ada kaitannya dengan pengaruh sosial dalam kehidupan mereka. Justeru sebelum membuat kajian, beberapa perkara yang perlu dikenalpasti adalah seperti; memahami latar belakang masyarakat Orang Asli mengenai sosio budaya dan adat resam serta sikap dan watak masyarakat Orang Asli yang berbeza corak kehidupannya dengan kaum lain, kemudian akan dikupas tentang isu kepercayaan dalam komuniti mereka.

Orang Asli atau penduduk pribumi tidak mempunyai takrifan yang sejagat, piawai atau tetap, tetapi biasanya merujuk kepada masyarakat pribumi asal yang terdapat dalam sesuatu negara, negeri, daerah ataupun tempat. Daripada sumber yang terdapat dalam Convention Concerning Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries , takrifan kontemporari "Orang Asli" untuk sesuatu tujuan mempunyai kriteria yang cuba memasukkan kumpulan budaya dan keturunan mereka yang mempunyai kesinambungan sejarah, hubungan dengan kawasan tertentu dan yang pernah atau sedang mendiami kawasan tersebut. Masyarakat Orang Asli ini juga masih mengekalkan sebahagian ciri-ciri linguistik, budaya dan masyarakat yang berbeza dan dengan itu kekal dalam dominan negara tersebut. Kumpulan masyarakat ini diakui sebagai pribumi dan fakta-fakta sejarah telah membuktikan dan mengesahkan perkara ini serta tidak boleh dinafikan lagi.

Berdasar bancian yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, penduduk Orang Asli kebanyakannya tinggal di kawasan pinggir bandar dan pendalaman. Begitu juga dengan suku kaum, di mana kaum Senoi mencatat rating teitinggi iaitu mempunyai bilangan seramai 80, 810 orang. (Lihat Rajah 1)

Rajah 1:

LOKASI PENEMPATAN MASYARAKAT ORANG ASLI		
* Pedalaman	-	62 %
* Pinggir Bandar	-	37 %
* Kawasan Bandar	-	1 %
* Jumlah Penempatan	-	369
- 18 SUKU KAUM TERDIRI DARIPADA 3 KUMPULAN ETNIK, PENGGUNAAN BAHASA YANG BERLAINAN.		

Di Daerah Batang Padang, kaum yang paling ramai ialah Semai dan Semelai di mana punca pencarian mereka ialah hasil hutan, mengambil upah menoreh getah, mengutip buah sawit, pertanian, ternakan dan memancing. (Sumber: Pejabat Pendaftaran Orang Asli Batang Padang)

Kesenian dan Seni Visual Dalam Masyarakat Orang Asli:

Hasil pertemuan dengan seorang penduduk Orang Asli Wak Jumud yang tinggal di Perkampungan Orang Asli Batu 10, dapat saya rumuskan bahawa kebolehan kerja-kerja seni orangtua-orangtua dalam masyarakat Orang Asli memberi kesan atau pengaruh terhadap penghasilan kerja seni generasi muda di bawahnya. Jelas di sini hasil kerja tangan ibubapa mempengaruhi hasil kerja seni pelajar Orang Asli di sekolah.

Masyarakat Orang Asli amat gemar kepada hasil kerja kraftangan seperti membuat sumpit, barangan anyaman dari mengkuang, membuat bakul, bubu, serunai daripada buluh dan sebagainya. Kebanyakan hasil kraftangan ini dibuat daripada buluh. Bahkan rumah mereka diperbuat daripada buluh keseluruhannya. Bakul dan raga dihasilkan untuk menyimpan barang-barang sama ada beras, hasil buah hutan atau buah petai yang dikutip seterusnya dijual secara pukal kepada peniaga Cina yang datang ke Perkampungan Orang Asli Batu 10, Jalan Cameron Highlands.

Mereka turut menghasilkan penampi beras, tikar dan tabung. Selain itu seruling juga dihasilkan dan digunakan semasa membuat persembahan. Istimewanya di sini, ia dimainkan dengan meniup melalui angin hidung dan bukan mulut. Kraftangan merupakan satu daripada beberapa hasil kerja seni yang dapat dilihat dalam masyarakat Orang Asli. Mereka juga turut membuat barang perhiasan dengan menggunakan kemahiran fizikal seperti menghasilkan sikat buluh, cucuk sanggul dan topi buluh. Hasil kerja seni ini dibuat untuk kegunaan seharian. Begitu juga dengan perkakasan dapur di mana senduk, tudung saji, dan nyiru dihasilkan. Mereka tidak perlu keluar dari kampung untuk mendapatkan keperluan barangan tersebut. Mereka juga turut menghasilkan kerja seni seperti membuat serkap ayam dan membuat bekas tempat ayam bertelur daripada rotan.

Bermula dari pembuatan barangan keperluan seharian, kemahiran seni telah wujud dalam masyarakat Orang Asli tanpa disedari. Kemahiran membuat alatan dan barangan keperluan didapati berdasar pengalaman menghasilkan produk tersebut selama beberapa tahun dan diwarisi oleh anak-anak mereka. Jelasnya di sini, hasil-hasil kerja seni yang diwarisi berdasar keperluan seharian mendorong kepada nilai estetik yang lebih tinggi. Justeru kesan daripada hasil kerja seni ini mendorong kepada bakat semulajadi yang ada pada generasi berikutnya.

Penghasilan kerja-kerja seni yang dilakukan oleh nenek serta ibubapa mendorong kepada kebolehan pelajar Orang Asli yang melihat keadaan seperti itu di sekeliling mereka. Mereka mendapat pengetahuan sedia ada berdasar pengalaman yang dilihat dan dilalui bersama keluarga terdekat. Hasil perbualan dengan seorang responden, Bean a/ Bah Biyel semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Seni Visual bertarikh 11 Mac 2009 (Rabu) saya dapati dia suka kepada aktiviti anyaman rotan kerana pada beliau, anyaman rotan seperti menganyam tikar memerlukan kesabaran dan kreativiti untuk mencipta corak yang mudah tetapi menarik. Jika ditanya apakah kerja seni lain yang boleh dihasilkan mereka, jawapannya sama seperti apa yang telah dihasilkan oleh nenek atau ibubapa mereka. Jelas kepada kita perkaitan atau pengaruh penghasilan produk tadi diturun atau diwarisi kepada anak-anak mereka dan anak-anak Orang Asli ini mendapat kebolehan seni berdasar kepada pemerhatian dan pengalaman yang diwarisi.

Pengaruh ini terbawa-bawa kepada proses pembelajaran anak-anak Orang Asli di sekolah. Mereka suka kepada aktiviti seni yang menghasilkan produk atau lebih tepat lagi menggunakan kebolehan fizikal mereka tanpa menggunakan kekuatan mental. Kreativiti tidak perlu sebaliknya imaginasi menghasilkan produk atau kerja-kerja seni ini berlandaskan kepada kepercayaan dan keperluan seharian mereka. Sebagai contoh mereka percaya rumah yang dibuat daripada buluh mempunyai semangat untuk hidup dalam kesejahteraan. Kenyataan ini saya perolehi daripada Tok Batin Perkampungan Orang Asli di Batu 15 iaitu Bah Musa berusia 58 tahun semasa berbual dengan beliau. Ketika itu beliau hadir ke sekolah untuk mengambil anaknya dari kelas Seni Visual saya yang kebetulan tidak sihat dan dibenarkan pulang. Justeru sesuatu penghasilan kerja seni itu dipengaruhi oleh persekitaran serta kepercayaan mereka. Ini dapat dilihat kebenarannya berdasar hasil catan yang telah dihasilkan oleh pelajar-pelajar Orang Asli selaku responden kajian.

1.2 Latar belakang kajian:

Pelajar Orang Asli mempunyai kepercayaan terhadap pengaruh animisme dan lain-lain perkara yang kita anggap kurafat tetapi amat dipatuhi oleh mereka kerana telah mewarisi kepercayaan itu sejak kecil lagi. Fahaman terhadap kepercayaan itu telah sebatu dengan diri mereka. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung saya sempat berbual-bual dengan beberapa orang responden dari kelas Seni Visual saya tentang kepercayaan mereka itu. Ternyata ada perbezaan kepercayaan bagi setiap suku kaum Orang Asli walaupun mereka dari komuniti atau keturunan yang serupa. Perbezaan suku kaum antara mereka menyebabkan pengaruh kepercayaan juga berbeza. Saya dapati perbezaan suku kaum antara Semai, Jahut dan Semelai walaupun ada tetapi tidak begitu ketara, cuma suku kaum Semelai telah agak moden sedikit. Bagi suku kaum Semai dan Jahut, mereka percaya kepada larangan semasa adab makan, kematian, bagaimana sesuatu perayaan disambut serta rawatan tradisional. Bangsa Jahut tidak dibenarkan bersolek ataupun mandi semasa menghadiri sesuatu upacara kematian kerana jika melanggar pantang larang tersebut dipercayai akan diterima musibah. Tetapi responden kajian iaitu Sara a/p Bah Minen tidak terpengaruh dengan kepercayaan itu dengan alasan jika tidak menjaga kebersihan diri, penyakit lagi mudah menyerang. Saya terus bertanya beliau kebenaran tentang kepercayaan sumpahan boleh berlaku jika melanggar pantang larang. Beliau menyatakan, banyak unsur-unsur kepercayaan masih dipatuhi sebab beliau pernah melihat keadaan sebenar yang berlaku jika melanggar pantang larang tersebut tetapi jika sumpahan manusia menjadi ikan atau sebagainya, beliau sama sekali tidak percaya kerana tidak masuk akal kepercayaan tersebut.

Berbeza dengan suku kaum Semelai, mereka amat percaya dengan sumpahan jika melanggar larangan tersebut. Mereka percaya kepada hukum karma seperti cerita ala-ala Si Tanggang. Pada mereka hantu sentiasa ada berkeliaran berhampiran mereka dan mereka menjadi takut jika dapat melihat hantu dalam keadaan sebenar. Justeru suku kaum Semelai sangat percaya dengan badi orang yang mati disebabkan kemalangan jalanraya. Mereka beranggapan hantu orang yang mati dalam kemalangan ini akan sentiasa mengganggu mereka jika melanggar pantang larang. Tetapi dalam adab makan pula suku kaum Semelai tiada had batasan untuk makan. Mereka boleh makan apa sahaja dalam

satu pinggan dengan lauk yang beraneka pilihan. Berbeza dengan suku kaum Semai dan Jahut yang boleh makan hanya ikan atau daging semata-mata dengan sedikit campuran sayur. Mereka tidak boleh makan ikan dan daging sekaligus kerana jika ditegur, perut mereka akan sakit tiba-tiba dan sukar sembuh. Akibat penyakit ini mereka perlu berjumpa bomoh atau pawang untuk menyembuhkan penyakit mereka.(perbualan bersama Sara pelajar Seni Visual semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran pada 12 Mac 2009, Khamis)

Disebabkan kepercayaan ini, jika tidak mematuhi peraturan dan melanggar pantang larang tersebut mereka akan mudah jatuh sakit selama beberapa hari. Secara tidak langsung ini menyebabkan mereka kerap tidak datang ke sekolah seterusnya mengganggu proses pembelajaran yang berkesan. Ini kerana pelajar Orang Asli yang menerima rawatan tradisional tidak dibenarkan keluar dari rumah selama beberapa hari dengan alasan untuk menghalau hantu di samping sistem rawatan yang menggunakan bahan-bahan tradisional seperti menconteng arang ke muka, mengikat tali di tangan yang secara tidak langsung membuat pelajar ini malu jika dilihat guru-guru atau rakan-rakan.

Faktor kepercayaan dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan kepercayaan antara masyarakat Orang Asli yang menetap dalam lingkungan perkampungan Orang Asli dengan masyarakat Orang Asli yang tinggal di luar dari perkampungan tersebut, di mana rata-rata ibu bapa pelajar Orang Asli ini mempunyai pekerjaan tetap seperti kakitangan kerajaan

Walaupun bagaimanapun kemiskinan tidak menghalang masyarakat Orang Asli untuk berkarya. Mereka juga menghasilkan kerja seni tetapi tidak dalam bentuk catan sebaliknya lebih kepada hasil kraf. Ukiran juga telah wujud di kalangan mereka di mana mereka percaya ukiran yang dilahirkan melalui simbol-simbol mempunyai perlambangan yang ada hubungkaitnya dengan kepercayaan. Pada hasil kerja ukiran di simbolkan melalui watak-watak dewa atau dewi yang berfungsi sebagai makhluk di alam ghaib seperti hantu atau jembalang yang sememangnya sentiasa ada dalam pemikiran Orang Asli dan sukar dikikis. Dewa-dewi ini digunakan dalam upacara pemujaan atau perubatan tradisional.(sumber internet)

Selain dari itu dapat dinyatakan di sini hasil kerja seni mereka cenderung kepada keperluan seharian dan pengaruh ini melengkungi hasil seni seterusnya. Cuma bezanya anak-anak Orang Asli kini lebih berpeluang menghasilkan kerja seni yang lebih baik melalui hasil seni catan yang bermotifkan kisah-kisah legenda atau kepercayaan animisme yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan mereka



1.3 Persoalan kajian:

Kajian yang akan dijalankan ini, pada dasarnya adalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut;

- 1.3.1 Apakah faktor yang mempengaruhi kepercayaan dalam pembentukan sikap pelajar Orang Asli dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV).
- 1.3.2 Sejauh manakah faktor kepercayaan mempengaruhi catan pelajar Tingkatan 6 Orang Asli.

1.4 Tujuan kajian:

Tujuan melakukan kajian ini adalah seperti berikut;

- 1.4.1 Mengkaji apakah faktor yang mempengaruhi kepercayaan dalam pembentukan sikap pelajar Orang Asli dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV)
- 1.4.2 Mengenalpasti sejauhmanakah faktor kepercayaan mempengaruhi catan pelajar Tingkatan 6 Orang Asli.

1.5 Kepentingan kajian:

- 1.5.1 Secara teorikalnya, penyelidikan yang belum dilaksanakan ini memberi banyak faedah dalam usaha mendapatkan pengalaman melalui penyelidikan ilmiah tentang masyarakat Orang Asli yang unik dan istimewa di samping mengenali sikap mereka secara dekat. Ini adalah kerana latar belakang kehidupan komuniti ini cukup menarik untuk dikaji. Masyarakat Orang Asli mempunyai minat yang mendalam dalam bidang kesenian kerana dalam kehidupan seharian, mereka sukakan hiburan dan kehidupan primitif yang diamalkan menyebabkan mereka mahir dalam kraftangan seperti menghasilkan rotan, bakul dan sebagai untuk kegunaan seharian.
- 1.5.2 Secara empirikal, kajian ini secara tidak langsung memberi maklumat-maklumat serta pendedahan kepada masyarakat luar tentang keunikan masyarakat Orang Asli yang mempunyai perasaan dan keinginan yang sama dengan masyarakat lain di luar sana. Cuma disebabkan adat dan kepercayaan masih mengongkong kehidupan seharian sehingga memberi kesan pembentukan sikap yang kurang bermotivasi di samping bimbang jika melanggar adat akan mengundang mala petaka, selain masalah kemiskinan yang menghimpit mereka maka komuniti ini masih tersepit di dalam belunggu kemunduran.

1.6 Kerangka Konsep:

Penyelidikan menggunakan pendekatan interdisiplin dengan paradigma kualitatif. Ia akan dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah. Antaranya kaedah yang digunakan ialah temubual, soal selidik, pemerhatian dan beberapa orang pelajar yang dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah-kaedah ini dipilih untuk memastikan data-data yang diperlukan dapat diperolehi dengan secukupnya.

Terdapat beberapa sebab kerangka konsep secara kualitatif dipilih. Pertama untuk melihat secara teliti bagaimana faktor yang mempengaruhi kepercayaan dalam pembentukan sikap pelajar Orang Asli dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Pemilihan pendekatan kualitatif dirasakan tepat. Ini ditambah pula dengan teknik pengumpulan data yang diambil melalui temubual dirasakan sesuai dengan pendekatan yang dipilih. Apatah lagi masyarakat Orang Asli amat suka berkongsi cerita tentang pengalaman mereka yang cenderung kepada kepercayaan mistik. Segala dapatan akan dilaporkan dalam bentuk diskriptif seperti carta pengurusan grafik, foto, penulisan dan sebagai.

Menurut Stewart & Cash (1978), melalui temubual, pengkaji berpeluang untuk mendapatkan maklumat mengenai seseorang, tempat, benda, peristiwa atau pendapat secara langsung daripada orang-orang tertentu. Ini bertepatan dengan Mohd Najib Konting (1990:237) yang menyatakan;

".....temubual digunakan untuk memperolehi maklumat kebenaran fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya, yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif pengkajian".

Rajah 2: KERANGKA KONSEP